

06 OCT 2000

PM-Pasaran Kereta

PROTON PATUT MASUKI PASARAN TERSENDIRI, KATA PM

Oleh: Ridzuan Zulkifli & Wan A Hulaimi

LONDON, 6 Okt (Bernama) -- Perusahaan Otomobil Nasional (Proton) patut mencari pasaran tersendiri daripada bersaing dengan pengeluar-pengeluar besar bagi pasaran seluruh dunia, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata semasa Proton memulakan perniagaan 15 tahun lepas, pasaran kereta dunia masih terbatas dengan kereta dikeluarkan khusus bagi sektor pasaran tertentu.

Dr Mahathir berkata hari ini kita melihat negara-negara ini pada hakikatnya telah bergabung menjadi konglomerat yang amat besar dan berkuasa. Amat sukar bagi kita untuk bersaing.

"Misalnya, kereta buatan Amerika hanya untuk orang Amerika, buatan Eropah bagi Eropah dan seterusnya. Kita boleh masuki pasaran khas untuk menjual barangan, kereta yang mampu dibeli di Asia, Asia Barat, Afrika dan sesetengah bahagian lain di Asia," katanya.

"Kereta ini bukanlah terlalu canggih tetapi ianya masih bertaraf dunia," katanya pada sidang media sebelum mengakhiri lawatannya ke Kilang Kejuruteraan Lotus di Hethel dekat Norwich, 190 km dari sini.

Terdahulu semasa berucap pada jamuan tengah hari yang ringkas yang dianjurkan Lotus, beliau berkata sambil disambut dengan ketawa oleh para hadirin: "Saya datang ke sini kerana saya ingin lihat sendiri mengenai semua yang saya dengar daripada Tengku Mahaleel (Ketua Pegawai Eksekutif Proton). Nasib baik, beliau tidak berbohong."

Beliau seterusnya berkata bahawa beliau amat gembira dengan perkembangan di Lotus yang telah bertukar daripada sebuah "rumah ladang" empat tahun lepas di Hethel kepada pengeluar automobil bertaraf dunia.

Dr Mahathir merujuk kepada dua lawatan beliau ke Loyus sebelum ini, pertamanya pada 1996 dan kali keduanya pada 1997 semasa kemudahan yang ada sekarang di Hethel sedang mengalami kekurangan pelaburan.

Proton kemudiannya menyelamatkan Lotus pada Oktober 1996 apabila ia membeli 80 peratus saham kawalan pengeluar kereta sport mewah terkemuka British itu.

Sebelum itu, semasa lawatannya, Dr Mahathir merasmikan Small Engine (S-ENG) yang baru, dibangunkan bersama oleh Proton dan Lotus.

Enjin itu, yang direka bentuk bagi kereta dalam lingkungan kelas (cc) 1.3 hingga 1.6, dijangka akan dikeluarkan sepenuhnya menjelang tahun 2002, membolehkan Proton mempunyai enjin buatan Malaysia 100 peratus.

Ditanya jika enjin S-ENG akan menandakan berakhirnya kerjasama Proton-Mitsubishi, Dr Mahathir berkata ia masih akan diteruskan dalam bidang-bidang lain seperti pengeluaran besar-besaran, kejuruteraan, teknologi dan lain-lain lagi.

Dr Mahathir juga mengesahkan bahawa Proton sedang menimbang untuk menjual tidak lebih 30 peratus pegangannya kepada pembeli asing.

Beliau yang tidak mengulas lanjut berkata bahawa mereka telah berjumpa dengan beberapa syarikat besar Amerika.

Katanya Malaysia juga tidak berminat untuk membeli pengeluar kereta British, Rover, yang sedang rugi, seperti disebarkan oleh khabar angin, sambil menyatakan bahawa "kami juga tidak mempunyai kapasiti untuk melabur di dalamnya".

Rover sebelum ini pernah bekerjasama dengan Lotus dalam pembangunan enjin.

-- BERNAMA

RBZ WAH RHM